

EKUINAS CATAT PRESTASI KUKUH PADA TAHUN 2025, CAPAI MERCU TANDA BUMIPUTERA 'RELAY RACE' YANG PERTAMA DAN MENGUKUHKAN MODEL PENCIPTAAN NILAI MELALUI TIGA TERAS

Sorotan Penting Tahun 2025:

- Mencapai mercu tanda GEAR-uP Bumiputera 'Relay Race' yang pertama menerusi penyenaiaan awam (IPO) Orkim Berhad, menandakan kejayaan memindahkan pemilikan dan kepimpinan syarikat portfolio kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk menyokong fasa pertumbuhan syarikat selanjutnya.
- Memperluas dan memantapkan model penciptaan nilai tiga teras yang terdiri daripada Ekuiti Persendirian, Kredit Persendirian dan *Capacity Building*, mengukuhkan keupayaannya untuk menyokong perniagaan pasaran pertengahan Malaysia dalam peringkat pertumbuhan berbeza.
- Ekuiti Persendirian melaksanakan dua pelupusan strategik dalam Medispec Sdn Bhd dan Orkim Berhad, sambil melaburkan modal dalam Bluesify Solutions Sdn Bhd, menekankan tumpuan terhadap sektor pertumbuhan tinggi seperti keselamatan siber dan perkhidmatan digital.
- Kredit Persendirian, yang dilancarkan pada 2024, dipergiatkan pada 2025, dengan menyempurnakan dua transaksi untuk meluaskan capaian kepada penyelesaian pembiayaan terkhusus patuh syariah untuk syarikat-syarikat pasaran pertengahan yang kurang diberi sokongan.
- *Capacity Building*, program pemacu bukan kewangan berstruktur ini telah ditubuhkan sebagai teras ketiga, memberi tumpuan terhadap asas perniagaan kritikal bagi syarikat Bumiputera pasaran pertengahan rendah yang berpotensi tinggi, untuk membangunkan saluran syarikat-syarikat yang bersedia untuk menerima pelaburan.
- Sejumlah RM350 juta diagihkan sebagai dividen kepada PNB demi manfaat pemegang unit amanah, mencerminkan kitaran semula nilai dan penciptaan kekayaan lebih luas dalam ekosistem pelaburan Bumiputera.
- Menjana ekuiti Bumiputera sebanyak RM7.1 bilion dan nilai pemegang saham berjumlah RM8.5 bilion meliputi 49 syarikat sejak ditubuhkan.
- Mengagihkan RM12.6 juta menerusi platform impak sosialnya, *ILTIZAM* pada tahun 2025, menjadikan sumbangan terkumpul sejak platform ini diasaskan berjumlah lebih daripada RM115 juta, mencetus impak menjangkau pulangan kewangan.

KUALA LUMPUR, 12 Mei 2026: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) pada hari ini mengumumkan Laporan Impak 2025, yang menunjukkan peralihan dan perkembangan positif pada tahun yang dilaporkan, dalam usahanya memperluas peranan dalam ekosistem pelaburan Malaysia, berlandaskan tiga teras penciptaan nilai: Ekuiti Persendirian, Kredit Persendirian dan *Capacity Building*.

Tahun 2025 memaparkan pendekatan lebih bersepadu untuk mencapai prestasi kewangan dan manfaat sosioekonomi, yang sejajar dengan mandat Ekuinas untuk menggalakkan penciptaan nilai dan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mampan.

Pada Januari 2025, Ekuinas telah memasuki fasa baharu apabila firma tersebut digabungkan di bawah naungan Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB), diikuti oleh peralihannya menjadi anak syarikat penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada bulan Julai. Ini disusuli oleh pembaharuan pucuk pimpinan dengan pelantikan Aliff Omar Mohamad Omar sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.

Aliff Omar Mohamad Omar, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, berkata: “Pencapaian kami pada 2025 mencerminkan evolusi berterusan Ekuinas sebagai pelabur modal persendirian bersepadu, yang menyokong perniagaan pasaran pertengahan Malaysia, meliputi peringkat pertumbuhan berbeza. Dengan mengukuhkan tumpuan kami dalam ekuiti persendirian, kredit persendirian dan *Capacity Building*, serta kejayaan mencapai mercu tanda Bumiputera ‘*Relay Race*’ yang pertama menerusi IPO Orkim Berhad, kami menunjukkan bagaimana nilai boleh dicipta, dikekalkan dan dipindahkan kepada institusi yang lebih besar di dalam ekosistem pelaburan negara, untuk menyokong fasa pertumbuhan seterusnya. Sebagai sebahagian daripada ekosistem GLIC, kami terus mengambil langkah selari dengan keutamaan agenda nasional seperti GEAR-uP, sambil mengekalkan disiplin kami untuk menjana impak dan pulangan jangka panjang.”

Ekuiti persendirian kekal sebagai tunggak asas strategi Ekuinas, yang memberi tumpuan kepada usaha mengubah syarikat-syarikat berpotensi tinggi menjadi pemimpin pasaran menerusi pemilikan aktif. Mercu tanda utama pada tahun 2025 ialah penyenaiaan Orkim Berhad di Pasaran Utama Bursa Malaysia selepas perjalanan pelaburan Ekuinas selama 11 tahun sejak 2014. Sepanjang tempoh tersebut, Orkim Berhad berkembang menjadi pengendali kapal tangki produk petroleum ditapis utama di Malaysia dengan menguasai pegangan pasaran melebihi 50% kapal-kapal berdaftar di Malaysia ketika penyenaiaan.

Menerusi IPO dan pemindahan saham, Ekuinas mencatatkan hasil kasar berjumlah RM828 juta, dengan RM350 juta diagihkan sebagai dividen kepada PNB, demi manfaat pemegang unit amanahnya. Transaksi tersebut juga menandakan Bumiputera 'Relay Race' pertama, dengan kepentingan 60% dalam Orkim Berhad dipindahkan kepada pemilikan institusi jangka panjang di bawah PNB, untuk menyokong fasa pertumbuhan syarikat selanjutnya.

Selain Orkim Berhad, Ekuiti Persendirian melaksanakan satu lagi pelupusan strategik dalam Medispec Sdn Bhd, sambil menyuntik modal ke dalam Bluesify Solutions Sdn Bhd, menekankan tumpuan Ekuinas terhadap sektor pertumbuhan tinggi seperti keselamatan siber dan perkhidmatan digital.

Di samping Ekuiti Persendirian, fungsi Kredit Persendirian Ekuinas yang bernilai RM800 juta telah menyempurnakan dua transaksi pertamanya, menyediakan penyelesaian pembiayaan terkhusus patuh syariah yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan syarikat-syarikat pasaran pertengahan yang kurang diberi sokongan.

Aliff Omar menambah, "Apa yang membezakan Ekuinas dalam bidang ini ialah pengalaman operasi yang meluas dan pengetahuan yang mendalam tentang sektor. Berbekalkan pengalaman 16 tahun melabur dan membina syarikat-syarikat pasaran pertengahan, kami dapat menyusun penyelesaian pembiayaan yang mencerminkan keperluan perniagaan sebenar, berbanding rangka kerja pinjaman lazim. Kredit

Persendirian juga menyediakan aliran pendapatan yang lebih mudah diramalkan bagi kami sambil mencipta saluran bagi ekuiti pelaburan berpotensi untuk masa depan.”

Sementara itu, *Capacity Building* pula menyokong syarikat-syarikat Bumiputera pasaran pertengahan menerusi bantuan bukan kewangan secara berstruktur dalam tempoh tiga tahun, merapatkan jurang dalam kepimpinan, tadbir urus dan keupayaan operasi serta kesediaan untuk menerima pelaburan. Selepas membina asas dan rangka kerja pada tahun 2025, Kopi Hang Tuah baru-baru ini dipilih sebagai syarikat pertama di bawah program ini.

Sejak ditubuhkan, Ekuinas telah memperuntukkan RM5.1 bilion meliputi 49 syarikat dan mencatatkan hasil berjumlah RM5.7 bilion, sekali gus menjana ekuiti Bumiputera bernilai RM7.1 bilion dan RM8.5 bilion dari segi jumlah nilai pemegang saham. Penjagaan kesihatan meningkat kepada 29% daripada portfolio aktif Ekuinas pada 2025, manakala jumlah kakitangan Bumiputera yang memegang jawatan pengurusan dalam syarikat-syarikat portfolio meningkat kepada 36.9%.

Ekuinas terus memperluas impak sosialnya menerusi platform *ILTIZAM* dan pelbagai inisiatif pembangunan lestari yang bertumpu kepada keusahawanan, pendidikan dan pembangunan komuniti. Pada 2025, RM12.6 juta telah disalurkan, menjadikan jumlah sumbangan sejak penubuhannya kepada lebih daripada RM115 juta. Antara program utama termasuk pembangunan keupayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), inisiatif kebolehpasaran graduan dan program pembangunan kemahiran, serta usaha pemerkasaan komuniti bersasar.

Melihat ke hadapan, Ekuinas terus memberi tumpuan kepada penyaluran modal secara berdisiplin, penciptaan nilai operasi dan usaha meluaskan peluang dalam bidang ekuiti persendirian, kredit persendirian dan *Capacity Building*.



Aliff Omar berkata, “Kami akan terus mengutamakan pelaksanaan secara berdisiplin; membina syarikat-syarikat yang mampu bertahan, menyokong pertumbuhan jangka panjang dan mengukuhkan kedudukan untuk merebut peluang yang tepat apabila ia muncul.”

Laporan Impak Ekuinas 2025 boleh didapati di: <https://ekuinas.com.my/publications>

-Tamat-

Mengenai Ekuiti Nasional Berhad

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) ialah syarikat ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan dengan matlamat membina syarikat-syarikat terkemuka generasi akan datang Malaysia sambil menggalakkan penciptaan kekayaan dan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mampan. Objektif utama Ekuinas ialah menjana nilai kewangan atas pelaburan untuk memastikan objektif sosialnya dicapai dengan cara yang mampan. Setakat ini, Ekuinas telah membuat pelaburan langsung dalam 48 syarikat, dengan 30 merupakan pelaburan langsung dan 18 menerusi Pengurus Dana Penyumberan Luar. Sektor sasaran terasnya termasuk pendidikan, barangan pengguna laris, minyak dan gas, peruncitan, penjagaan kesihatan dan pembuatan. Ekuinas telah dipilih sebagai satu daripada 3 Firma Terbaik Asia Tenggara oleh Anugerah Ekuiti Persendirian Antarabangsa (PEI) bagi tahun 2018 dan 2019.

Dikeluarkan bagi pihak Ekuiti Nasional Berhad

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

acorn communications sdn. bhd.

Farah Aqilah di +60 19-917 4451

atau di +603 7958 8348 atau e-mel acorncommunications@acornco.com.my